

Tafsiran 200 pegawai antihadis perlu dihalusi

8.11.1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan belum membuat keputusan mengenai tindakan terhadap 200 cendekiawan Islam, kebanyakan pegawai kanan kerajaan, yang dipercayai terbabit dengan gerakan antihadis dan antiulama di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, tafsiran yang jelas perlu dibuat mengenai golongan yang dikatakan antihadis itu, iaitu sama ada mereka menolak sebahagian atau sepenuhnya hadis Rasulullah.

"Kita perlu memastikan dakwaan itu, kerana seperti yang saya jelaskan

tafsiran antihadis ini ialah mereka yang menolak sepenuhnya hadis. Tetapi kita semua tahu bahawa ada hadis yang sahih dan ada hadis yang lemah.

"Penolakan hadis yang lemah bukan antihadis, memang Imam Ghazali pun menolak sebahagian daripada hadis, itu bukan bermakna antihadis," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), di sini, hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata, lebih 200 cendekiawan Melayu yang ke-

banyakannya pegawai kanan kerajaan disoal siasat.

Katanya, mereka yang terbabit dikesan di Lembah Klang, Wilayah Persekutuan, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Menurut Dr Abdul Hamid, Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri mendapati mereka terbabit dengan kegiatan itu kerana terpengaruh dengan kandungan beberapa buku tulisan Rashad Khalifa dari Mesir.

Antara buku berkenaan ialah *The Final Scripture*, *Al-Quran*, *The Ultimate Miracle and Quran* dan *Visual Presentation Of The Miracle*.

Mengenai kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, bahawa tiga daripada 10 pendatang tanpa izin yang didaftarkan sejak awal tahun ini didapati pembawa kuman HIV, Dr Mahathir berkata, suatu kajian perlu dijalankan untuk memastikan keadaan sebenar.

"Saya tidak boleh mengulas selagi belum ada penyelidikan yang boleh mengesahkan perkara itu.

"Tetapi jika benar, perkara ini sangat serius dan mereka yang terbabit tidak boleh diterima di negara ini dan hendaklah dihantar balik," katanya.